

# Kabinet Ismail Sabri tanpa TPM

UM - 28/8/2021 m/s: 3

Oleh MAISARAH SHEIKH  
RAHIM dan JUANI  
MUNIR ABU BAKAR

utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Ketiadaan jawatan timbalan perdana menteri dilihat sebagai satu-satunya perbezaan dalam Kabinet baharu yang diumumkan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam yang menyaksikan majoriti menteri dan timbalan menteri ketika era Tan Sri Muhyiddin Yassin kekal.

Terdapat beberapa menteri berubah portfolio dengan jumlah 31 kementerian merangkumi 31 menteri dan 38 timbalan menteri dikekalkan yang keseluruhan berjumlah 70 orang termasuk Perdana Menteri.

Selain itu, terdapat kementerian kekal dengan dua timbalan menteri antaranya Kementerian Kewangan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi.

Tanpa jawatan timbalan perdana menteri, Kabinet pimpinan Ismail Sabri bagaimanapun mengekalkan empat menteri kanan.

Turut mencuri perhatian ialah Menteri Kesihatan dan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi bertukar kedudukan yang sebelum ini dipegang Datuk Seri Adham Baba dan Khairy Jamaluddin selain Menteri Kewangan kekal dipegang

Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Sembilan muka baharu Menteri dan Timbalan Menteri iaitu Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim; Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu; Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Idris Ahmad; Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid dan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar.

Tujuh Menteri dan Timbalan Menteri kerajaan lama tidak disenaraikan dalam Kabinet baharu ialah bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas), Datuk Seri Mohd. Redzuan Md. Yusof; bekas Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah dan bekas Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr. Mohd. Khairuddin Aman Razali.

Bekas Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Abd. Rahim Bakri; bekas Timbalan Menteri II Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Che Abdul-

lah Mat Nawi dan bekas Timbalan Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan, Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan.

Dalam pada itu, berlaku perubahan portfolio dalam Kabinet baharu ialah Tan Sri Annuar Musa kini ditugaskan menerajui Kementerian Komunikasi dan Multimedia yang sebelum ini digalas Datuk Saifuddin Abdullah yang ditukarkan ke Kementerian Luar Negeri.

Datuk Dr. Abdul Latiff Ahmad pula ditugaskan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas) yang sebelum ini di Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan disi Mahdzir Khalid, sebaliknya Datuk Seri Taki-yuddin

Hassan berpindah ke Kementerian Tenaga dan Sumber Asli manakala tempatnya diisi Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) digalas Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Wan Junaidi yang sebelum ini berada di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi kini diisi Noh Omar.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang dahulu diterajui Datuk Zuraidah Kamaruddin kini diisi Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican. Bagaimanapun, Zuraidah ditempatkan di Kementerian Perusahaan dan Komoditi manakala Tempat Reezal Merican sebagai Menteri Belia dan Sukan digalas Datuk Ahmad Faizal.

**ISMAIL  
SABRI**

